

TERMA & SYARAT PROGRAM JIMAT DI PENANG 20% DISKAUN

TERMINOLOGI & SINGKATAN NAMA

TERMINOLOGI	DEFINISI
Ahli Keluarga	Keluarga pemilik adalah terdiri daripada ibu bapa, suami/isteri atau anak-anak yang sah di sisi undang-undang sahaja.
ANPR	<i>Automatic Number Plate Recognition</i>
Aplikasi JustGO	Sistem pembayaran tol berasaskan nombor pendaftaran kenderaan yang disokong dengan teknologi ANPR
JPP	Jambatan Pulau Pinang
JustGO	JustGO Solutions Sdn. Bhd. (Registration No. 201901000296 (1309622-A))
PLUS	Projek Lebuhraya Usahasama Berhad (Registration No.201101026564 (954700-A))
PLUSMiles	Program kesetiaan rasmi daripada PLUS Malaysia Berhad yang memberi ganjaran kepada pengguna lebuhraya
RFID	<i>Radio Frequency Identification</i>
TNG	Touch 'n Go Sdn. Bhd.

TERMA & SYARAT

A. SYARAT-SYARAT DAN TERMA	
1.	Pemohon yang ingin memohon diskaun pembayaran tol hanya dibenarkan untuk memohon satu kategori sahaja iaitu kategori Penduduk, Pekerja/Pelajar atau Syarikat. Permohonan tertakluk kepada syarat-syarat berikut: i) Kategori Penduduk (permohonan terbuka kepada kategori Aplikasi JustGO atau RFID e-Wallet atau Kad Bank) a. Warganegara Malaysia; b. Berumur tujuh belas (17) tahun dan ke atas; c. Kad Pengenalan pemohon beralamat di Pulau Pinang; d. Tertakluk kepada satu (1) kenderaan sahaja; dan e. Kenderaan yang didaftarkan adalah atas nama pemilik atau Ahli Keluarga. ii) Kategori Pekerja/Pelajar (permohonan terbuka kepada kategori Aplikasi JustGO atau RFID e-Wallet atau Kad Bank) a. Warganegara Malaysia; b. Berumur 17 tahun dan ke atas; c. Bekerja di syarikat atau belajar di institusi yang beralamat di Pulau Pinang; d. Tertakluk kepada satu kenderaan sahaja; dan e. Kenderaan yang didaftarkan adalah atas nama pemilik atau Ahli Keluarga. iii) Kategori Syarikat (permohonan terbuka kepada kategori Kad Touch 'n Go) a. Syarikat yang beralamat dan beroperasi di Pulau Pinang seperti yang tertera pada dokumen di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). b. Syarikat yang diperakui dan daftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); c. Terbuka kepada kenderaan perdagangan seperti lori sahaja; d. Tertakluk kepada maksima sepuluh (10) kenderaan sahaja bagi setiap permohonan;
2.	Pemohon yang layak akan mula menikmati kadar tol diskaun setelah mendapat kelulusan dari pihak PLUS dan pengaktifan dari JustGO, TNG atau Bank.
3.	Pemohon yang layak TIDAK BOLEH menukar dan/atau memindah diskaun kepada pihak lain.
4.	Pemohon yang layak hanya dibenarkan menikmati satu (1) diskaun pembayaran tol 20% bagi setiap akaun/pengguna. Pemohon hanya layak memohon salah satu daripada kaedah pembayaran berikut: i. Aplikasi JustGO; atau ii. RFID e-Wallet; atau iii. Kad Bank.

5. Sekiranya pemohon telah mempunyai diskaun aktif di bawah RFID e-Wallet atau Kad Bank dan ingin memohon diskaun melalui Aplikasi JustGO, pemohon hendaklah membatalkan diskaun sedia ada terlebih dahulu sebelum permohonan Aplikasi JustGO boleh dibuat.
6. Sekiranya pemohon mempunyai diskaun pembayaran tol 20% yang aktif melalui Aplikasi JustGO dan ingin menukar penggunaan diskaun melalui RFID e-Wallet atau Kad Bank, pemohon hendaklah terlebih dahulu membatalkan diskaun seterusnya menyahaktifkan/membuang kenderaan tersebut daripada Aplikasi JustGO sebelum membuat permohonan baharu diskaun melalui RFID e-Wallet atau Kad Bank

Nota: Pembatalan diskaun 20% di Aplikasi JustGO sahaja tidak mencukupi. Status kenderaan di bawah perkhidmatan ANPR JustGO perlu dinyahaktifkan/dibuang terlebih dahulu bagi membolehkan diskaun melalui RFID e-Wallet atau Kad Bank dimohon.

7. Permohonan diskaun pembayaran tol 20% boleh dibuat melalui:--
 - (a) Aplikasi JustGO - bagi pemohon Aplikasi JustGO ; atau
 - (b) Portal Jimat di Penang - bagi pemohon yang mendaftar melalui RFID e-Wallet, Kad Bank atau Kad Touch 'n Go
8. Sekiranya pemohon membatalkan diskaun pembayaran tol 20% melalui Aplikasi **JustGO**, tempoh **bertenang (cooling-off period)** selama **tujuh (7) hari** akan dikenakan, dan pemohon hanya boleh mengemukakan permohonan baharu selepas tempoh tersebut tamat.
9. Kadar tol diskaun hanya sah laku untuk bayaran di Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang sahaja bagi tempoh **dua (2) tahun** dari tarikh pengaktifan diskaun bagi kategori pekerja dan pelajar.
10. Program kadar bayaran tol diskaun Jambatan Pulau Pinang adalah tertakluk kepada budi bicara pihak PLUS dan PLUS berhak untuk menamatkan diskaun tol dari semasa ke semasa.
11. Bagi kategori Aplikasi JustGO, RFID e-Wallet dan Kad Bank pengaktifan kadar diskaun adalah tertakluk kepada semakan dan kelulusan pihak JustGO, TNG, atau Bank mengikut mana yang berkenaan.
12. Bagi kategori Kad Bank, jenis-jenis kad yang diterima adalah:
 - (i) kad debit
 - (ii) kad kredit dan
 - (iii) kad prabayar; yang mempunyai logo Mydebit, Mastercard, Visa, American Express

Nota : Pemohon hanya dibenarkan untuk mendaftarkan satu (1) kad bank sahaja pada suatu masa.

13. Bagi pendaftaran Kad Bank, caj sebanyak RM1.00 akan dikenakan semasa proses pendaftaran. Caj ini dikenakan oleh pihak bank semasa proses pengesahan keselamatan kad bank dilakukan. Ini bukanlah caj sebenar dan nilai RM1.00 yang dicaj akan dikembalikan serta-merta. Namun, bergantung kepada bank, transaksi tersebut akan dikeluarkan dari penyata pemohon pada bila-bila masa jangkaan dari beberapa minit hingga ke beberapa minggu.
14. Berikut adalah pihak yang bertanggung jawab memberi kelulusan dan mengaktifkan diskaun 20% :

Kaedah Pembayaran	Kelulusan Permohonan & Pengaktifan Oleh :			
	PLUS	Touch 'n Go	Bank	JustGO
RFID	Kelulusan	Pengaktifan	-	-
Kad Bank	Kelulusan	-	Pengaktifan	-
Kad Touch 'n Go	Kelulusan	Pengaktifan	-	-
Aplikasi JustGo	Kelulusan	-	-	Pengaktifan

15. Setiap permohonan adalah tertakluk atas budi bicara PLUS. Pihak PLUS juga berhak untuk menolak permohonan yang tidak mengikuti syarat-syarat yang ditetapkan.
16. Permohonan untuk penyambungan tempoh diskaun tol hanya boleh dihantar **tiga puluh (30) hari** sebelum tarikh tamat kuatkuasa diskaun. Sebarang penyambungan adalah tertakluk kepada syarat no. 15 di atas.

B. SENARAI SEMAK DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

Setiap permohonan perlu mengemukakan dokumen berikut mengikut kategori:-

i) Kategori Penduduk

- Salinan kad pengenalan pemohon;
- Salinan geran kenderaan;
- Salinan kad pengenalan pemilik kenderaan;
- Sekiranya kenderaan bukan milik pemohon, surat kebenaran yang telah lengkap serta salinan sijil perkahwinan atau surat beranak (jika pemilik kenderaan bukan atas nama pemohon);

ii) Kategori Pekerja / Pelajar

- Salinan kad pengenalan pemohon;
- Surat Pengesahan Majikan / Institusi satu (1) bulan terkini (mempunyai talian nombor telefon dan email) dari tarikh permohonan dan surat rasmi yang menggunakan 'Letterhead' syarikat;
- Salinan kad pengenalan pemilik kenderaan (jika memohon kategori RFID dan kenderaan tidak didaftarkan pada akaun pemohon ATAU jika memohon kategori KAD BANK/JustGo dan kenderaan bukan milik pemohon);
- Salinan geran kenderaan;
- Surat Kebenaran yang telah lengkap dan salinan sijil perkahwinan atau surat beranak (jika pemilik kenderaan bukan atas nama pemohon);

iii) Kategori Syarikat

- Syarikat hendaklah mengemukakan surat rasmi menggunakan 'Letterhead' yang beralamat di Pulau Pinang dan ditandatangani oleh pemilik Syarikat atau individu yang dilantik sahaja. Sila lampirkan senarai nombor pendaftaran kenderaan syarikat yang ingin dipohon dalam surat rasmi tersebut.
- Salinan perakuan pendaftaran kenderaan (geran) atas nama syarikat yang memohon dan dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia;
- Salinan pendaftaran syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang terkini dan terdiri daripada Borang D (Kumpulan 13) atau Borang E (Kumpulan 13)

C. SEMAKAN DAN MAKLUM BALAS PERMOHONAN

- Maklum balas permohonan dari pihak PLUS akan dilakukan melalui e-mel dan notifikasi (Aplikasi JustGo) mengikut kategori seperti berikut :
 - Kategori Penduduk – tiga (3) hari
 - Kategori Pekerja/ Pelajar – tujuh (7) hari
 - Kategori Syarikat – tujuh (7) hari
- Walaubagaimanapun, tempoh masa tertakluk kepada proses semasa dan dokumen yang lengkap diserahkan oleh pelanggan.

D. KEAHLIAN PLUSMILES/JustGO

- Dengan membuat pendaftaran ahli PLUSMiles, pengguna bersetuju untuk mematuhi Notis Privasi PLUS yang boleh dirujuk di Notis [Privasi PLUS](#) serta terma dan syarat yang ditetapkan.
- Untuk maklumat lanjut berkaitan Terma & Syarat PLUSMiles, sila layari laman web [PLUSMiles](#) atau di Aplikasi [JustGO App](#).
- Bagi kategori individu (pelajar, pekerja atau penduduk tetap Pulau Pinang) pemohon perlu menjadi ahli PLUSMiles / menggunakan Aplikasi JustGO terlebih dahulu sebelum meneruskan permohonan diskaun pembayaran tol 20%.

Kategori Pemohon	Kaedah Pembayaran Tol	Platform Permohonan	Keperluan Akaun
Individu (Pelajar / Pekerja / Penduduk Tetap Pulau Pinang)	JustGO (ANPR)	Aplikasi JustGO	Perlu mempunyai akaun JustGO dan akan didaftarkan sebagai ahli PLUSMiles secara automatik
Individu (Pelajar / Pekerja / Penduduk Tetap Pulau Pinang)	RFID / Kad Bank	Portal Jimat Di Penang	Perlu menjadi ahli PLUSMiles terlebih dahulu sebelum membuat permohonan

- Hanya satu (1) permohonan diskaun pembayaran tol 20% yang diluluskan dibenarkan bagi setiap satu (1) akaun PLUSMiles / JustGO untuk kategori individu (pelajar, pekerja atau penduduk tetap Pulau Pinang sahaja).



A member of **UEM** 

5. Bagi kategori **syarikat**, pemohon **tidak perlu menjadi ahli PLUSMiles / JustGO** untuk membuat permohonan diskaun pembayaran tol 20%.
6. Pengumpulan Mata Ganjaran PLUSMiles hanya diberikan kepada pengguna yang membuat pembayaran tol menggunakan Kad PLUSMiles, Kad Touch 'n Go, RFID atau Aplikasi JustGO.
7. Pembayaran tol menggunakan Kad Bank di Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang tidak layak menerima Mata Ganjaran PLUSMiles.